

Universiti Pertanian Malaysia

LAPURAN

1973-74

TAHUNAN

b7b
S 539
M3
4548

ISI KANDUNGAN

Latar Belakang	1
Canselor	12
Pejabat Pendaftar	13
Pejabat Bendahari	19
Perpustakaan	22
Fakulti Perhutanan	27
Fakulti Pertanian	32
Fakulti Kedoktoran Veterinar dan Sains Peternakan	42
Bahagian Sains	51
Fakulti Ekonomi Sumber & Perniagaantani	57
Bahagian Ladang	60

Lampiran :—

i. Bilangan Mahasiswa tahun akademik 1973-74	62			
ii. Pegawai-Pegawai yang cuti belajar	64			
iii. Tutor-tutor yang sedang dilatih	68			
iv. Pemegang biasiswa Universiti Pertanian Malaysia	70	
v. Kursus-kursus Persidangan-persidangan Lawatan-lawatan Keluar Negeri	71	
vi. Tetamu-tetamu Universiti	77	
Penghargaan	82

UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

LATAR BELAKANG

Pada 31hb Mac, 1969 Y.A.B. Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein, yang pada masa itu menjadi Timbalan Perdana Menteri, mencadangkan supaya Kolej Pertanian Malaya memulakan kursus peringkat ijazah di samping kursus diploma. Syur itu terkandung dalam ucapannya di upacara penyampaian Diploma Kolej Pertanian Malaysia. Pada hari yang sama juga Jawatankuasa Pengkajian Pelajaran Pertanian yang mengeluarkan lapurannya juga membuat cadangan yang serupa.

Berikutnya dengan pengumuman tersebut, Menteri Pelajaran ketika itu, Y.B. Datuk Haji Abdul Rahman bin Ya'kub menyediakan satu memorandum untuk melaksanakan cadangan mengadakan kursus ijazah di Kolej Pertanian. Memorandum tersebut telah menerima sokongan yang sepenuhnya daripada Menteri Pertanian dan Syarikat Kerjasama Y.B. Tan Sri Mohd. Ghazali bin Haji Jawi. Y.A.B. Tun Haji Abdul Razak telah juga bersetuju dengan cadangan di dalam memorandum itu, yang antara lainnya, mencadangkan penubuhan sebuah Universiti bebas. Antara cadangan-cadangan lain ialah :—

- (i) Fakulti Pertanian di Universiti Malaya dan Kolej Pertanian Malaya di Serdang dicantumkan menjadi Universiti Pertanian Malaysia.
- (ii) Tapak Universiti Pertanian Malaysia hendaklah di Serdang.
- (iii) Cadangan tarikh untuk penubuhannya ialah tahun 1973.
- (iv) Dua peringkat rancangan hendaklah diadakan, iaitu peringkat Ijazah dan peringkat Diploma.

Berikutnya dari itu, sebuah Jawatankuasa Perancang telah ditubuhkan. Jawatankuasa itu terdiri daripada :—

- (i) Ketua Setiausaha.
Kementerian Pelajaran. — Pengerusi.

- (ii) Ketua Setiausaha,
Kementerian Pertanian & Syarikat Kerjasama.
- (iii) Y.B. Datuk Abdullah bin Ayub,
Wakil Perbendaharaan.
- (iv) Encik Sulaiman bin Abdullah,
Wakil Bahagian Perancang Ekonomi.
- (v) Encik Anuwar bin Mahmud,
Dekan, Fakulti Pertanian,
Universiti Malaya.
- (vi) Y.B. Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop,
Pengerusi Majlis,
Kolej Pertanian Malaya.
- (vii) Dr. Mohd. Rashdan bin Haji Baba,
Pengetua, Kolej Pertanian Malaya.
(juga Naib Canselor namaan Universiti Pertanian)

Jawatankuasa Perancang ini telah ditugaskan untuk menimbulkan kemungkinan dan sebarang akibat yang akan timbul berkaitan dengan penubuhan Universiti Pertanian.

Jawatankuasa Perancang itu telah memberikan sokongan sepenuhnya kepada cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan, terhadap penubuhan Universiti Pertanian.

Antara syur-syurnya ialah :—

(i) **Percantuman Fakulti Pertanian dan Kolej Pertanian**

Supaya tidak timbul penduaan dari segi kemudahan-kemudahan dan tenaga pengajar percantuman adalah dicadangkan. Apabila Universiti Pertanian ditubuhkan di Serdang, Fakulti Pertanian hendaklah dibubarkan.

(ii) **Serdang sebagai tapak Universiti Pertanian**

Tapak Universiti Pertanian dicadangkan di Serdang, kerana terdapat infrastruktur yang cukup. Serdang

bolehlah menjadi sebagai permulaan penubuhan dan dengan adanya lain-lain pertubuhan pertanian seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Pusat Percubaan Persekutuan (FES), Bahagian Kajiteknik Makanan dan Institut Pertanian, suasana dan keadaannya sangat-sangat sesuai untuk penubuhan Universiti Pertanian di Serdang.

(iii) **Penubuhan Universiti Pertanian pada tahun 1973**

Walaupun dipersetujui bahawa penubuhan Universiti Pertanian disegerakan, Jawatankuasa berpendapat ran-cangan-rancangan yang teliti hendaklah diperbuat. Jawatankuasa mencadang Universiti ditubuhkan pada tahun 1973.

(iv) **Kursus yang akan ditawarkan**

Jawatankuasa juga bersetuju kursus-kursus yang akan ditawarkan buat permulaannya, ialah peringkat Diploma dan Ijazah dalam Pertanian, Perhutanan dan Sains Peternakan.

PERSETUJUAN NDPC (Jawatankuasa Perancang dan Pembangunan Negara)

Dalam persidangannya yang ke 13 pada 6hb Oktober, 1971 NDPC telah bersetuju dengan cadangan Menteri berkenaan, untuk menubuhkan sebuah Universiti Pertanian. NDPC juga telah mengambil perhatian bahawa sebuah jawatankuasa perancang telah ditubuhkan untuk merancang penubuhan Universiti Pertanian Malaysia.

KEPUTUSAN JUMAAH MENTERI

Jumaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 2hb Februari, 1971 telah mengambil perhatian dan bersetuju dengan penubuhan Universiti Pertanian di Serdang.

PERINTAH PERBADANAN UNIVERSITI PERTANIAN TAHUN 1971

Perintah Perbadanan penubuhan Universiti Pertanian Malaysia di bawah Seksyen 6, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

telah dikeluarkan melalui Warta Kerajaan Jilid 15 Bil. 22 ber tarikh 28hb Oktober, 1971 sebagai PU (A) 383. Mengikut Perintah Perbadanan ini, Universiti Pertanian ditubuhkan dengan rasminya.

PERUNTUKAN PERALIHAN

Untuk mengurus dan menjalankan urusan-urusan Universiti mengikut seksyen 4 (1) dalam Jadual Akta sehingga sebuah Majlis penuh di bawah seksyen 15 ditubuhkan, satu Peruntukan Peralihan di bawah Seksyen 18 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 telah juga diwartakan dalam Warta Kerajaan Jilid 15 Bil. 22 yang dikeluarkan pada 4hb November, 1971 sebagai PU (A) 407. Peruntukan Peralihan itu telah merasmikan perlantikan Dr. Mohd. Rashdan bin Haji Baba, J.S.M., sebagai Naib Canselor yang pertama Universiti Pertanian. Serentak dengan itu sebuah Majlis Sementara telah dilantik. Majlis itu terdiri daripada :—

- (i) *Pengerusi* — Y.B. Tan Sri Abdul Kadir bin Shamsuddin
- (ii) *Ahli-ahli* — Dr. Agoes Salim
Wakil Perbendaharaan
Wakil Kementerian Pelajaran
Wakil Kementerian Pertanian & Tanah
Wakil Bahagian Perancang Ekonomi
Wakil Majlis Universiti Malaya
Wakil Majlis Kolej Pertanian Malaya
Naib Canselor Universiti Pertanian Malaysia
- (iii) *Setiausaha* — Pendaftar

Majlis Sementara ini diberi kuasa untuk melantik manapun Jawatankuasa dan menjalankan urusan Universiti. Majlis telah mengadakan mesyuaratnya yang pertama pada hari Sabtu, 27hb November 1971. Sepanjang masa yang diliputi oleh lapuran ini Majlis telah mengadakan 7 kali mesyuarat termasuk, sekali mesyuarat khas di Kuching Sarawak pada 12hb November, 1973.

LEMBAGA AKADEMIK

Lembaga Akademik Universiti Pertanian Malaysia ditubuhkan atas persetujuan Majlis Universiti dalam persidangannya pada 30hb Disember, 1972. Tujuan Lembaga Akademik ialah untuk mengendalikan urusan-urusan Senat sehinggalah Senat Universiti Pertanian Malaysia ditubuhkan dengan sepenuhnya.

Ahli-ahli Lembaga Akademik terdiri daripada :—

Naib Canselor (Pengerusi)

Dekan Fakulti Pertanian

Dekan Fakulti Perhutanan

Dekan Fakulti Kedoktoran Veterinar & Sains Peternakan

Pem. Dekan Fakulti Ekonomi Sumber & Perniagaantani

Ketua Bahagian Sains

Pem. Pustakawan

Seorang Wakil Fakulti Pertanian

Seorang Wakil Fakulti Kedoktoran Veterinar & Sains
Peternakan

Seorang Wakil Bahagian Sains

Pendaftar (Setiausaha)

Dalam masa lapuran ini, Lembaga Akademik telah mengadakan 8 persidangan.

PEMBUBARAN MAJLIS KOLEJ PERTANIAN MALAYA

Adalah didapati bahawa Kolej Pertanian Malaya tidak perlu ujud lagi, setelah Universiti Pertanian Malaysia mengambil kumpulan pelajar pertamanya, dan setelah berakhirnya penyerapan para pegawai Kolej Pertanian Malaya dan Fakulti Pertanian Universiti Malaya ke Universiti Pertanian Malaysia. Oleh itu tindakan telah diambil oleh Universiti Malaya mengikut Statutnya bilangan XXXXVIII yang telah menarik balik Statut No. XI Majlis Kolej Pertanian Malaya yang dikuatkuasakan daripada 7hb Julai, 1973. Pembubaran ini adalah mengikut Peruntukan Seksyen 26 (1) Perlembagaan Universiti Malaya oleh Canselor Universiti tersebut. Dengan Pembubaran tersebut jawatan Pengetua Kolej Pertanian juga dihapuskan.

PENGAMBILAN MAHASISWA-MAHASISWA YANG PERTAMA KE UNIVERSITI

Universiti Pertanian Malaysia telah mengambil mahasiswa-mahasiswi pertamanya, seperti yang dijadualkan, pada 23hb Julai, 1973. Pengambilan ini dibuat dari dua sumber, iaitu pelajar-pelajar baru dan pelajar-pelajar yang sedang mengikuti kursus-kursus di Kolej Pertanian Malaya. Pengajian dimulakan dengan 3 fakulti — Perhutanan, Pertanian, dan Kedoktoran Veterinar dan Sains Peternakan. Selain dari itu satu Bahagian Sains telah juga ditubuhkan. Universiti Pertanian Malaysia juga memulakan 2 peringkat pengajian — Ijazah dan Diploma di samping meneruskan Kursus Pendahuluan. Patut juga dinyatakan pelajar-pelajar yang sedang mengikuti Kursus Diploma Kolej Pertanian Malaya telah diterima masuk untuk meneruskan kursus mereka di Universiti tanpa apa-apa kerugian.

PERLANTIKAN CANSELOR & PRO CANSELOR

Pada 15hb Jun, 1973 DYMM Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Ibni Al-Marhum Sultan Hishamuddin 'Alam Shah Al-Haj, D.K., S.P.M.S., D.M.N., D.K. (Brunei), D.K. (Trengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perlis), telah berkenan menjadi Canselor pertama Universiti Pertanian Malaysia. DYMM Tuanku Canselor telah berangkat membuat lawatan rasmi pertamanya ke Universiti Pertanian Malaysia di Serdang pada 23hb Februari, 1974.

Yang Amat Berhormat Tun Datu Mustapha bin Datu Harun, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., S.P.C.M., S.P.M.P., P.N.B.S., S.P.B.K.S., K.V.O., O.B.E., dan Yang Berhormat Datuk Ong Kee Hui, P.N.B.S., P.G.D.K., telah dilantik menjadi Pro-Canselor-Pro-Canselor Universiti Pertanian Malaysia.

ASRAMA

Adalah menjadi dasar Universiti Pertanian Malaysia supaya semua mahasiswa-mahasiswinya tinggal di asrama. Dalam tempoh laporan ini dibuat, dasar ini dapat diikuti dengan sepenuhnya. Sekarang ini terdapat tiga kompleks asrama. Kira-kira

600 orang mahasiswa/mahasiswi menginap di tiap-tiap kompleks. Dalam usaha mengjudkan perasaan tanggungjawab di kalangan mahasiswa/mahasiswi terhadap semua aspek kediaman mereka, sebuah Lembaga Asrama telah ditubuhkan, dan terdiri daripada :—

Pengerusi : Naib Canselor

Ahli-ahli : Bendahari
Pendaftar
Pengetua-Pengetua Asrama
Wakil Mahasiswa
Wakil PMUPM

Setiausaha : Pengetua Asrama

Di tiap-tiap kompleks pula, terdapat sebuah Jawatankuasa Asrama yang dipengerusikan oleh Pengetua Asrama dan ahli-ahlinya terdiri daripada fellow serta juga mahasiswa/mahasiswi sendiri yang mewakili tiap-tiap blok dan tingkat bangunan, serta Persatuan Mahasiswa Universiti Pertanian Malaysia.

BADAN MAHASISWA/MAHASISWI

Semua mahasiswa/mahasiswi yang telah berdaftar dengan Universiti Pertanian Malaysia dengan sendirinya menjadi ahli Persatuan Mahasiswa Universiti Pertanian Malaysia. Pihak berkuasa Universiti tidak campur tangan di dalam pentadbiran persatuan ini. Setakat ini, persatuan mahasiswa telah menjalankan kegiatan-kegiatannya dengan perasaan penuh tanggungjawab. Kegiatan-kegiatan persatuan dapat dijalankan dengan lebih licin lagi bila siapnya bangunan persatuan pelajar tidak lama lagi. Bagaimanapun, setakat ini perlembagaan persatuan ini belum lagi diluluskan.

PEMBANGUNAN

Dalam tempoh yang dilapurkan ini Universiti Pertanian Malaysia telah mendapat peruntukan pertama sebanyak \$17 juta

bagi Rancangan Pembangunan dalam Rancangan Malaysia Kedua. Bangunan-bangunan berikut telah siap dibina :—

Bil.	Nama Projek	Jumlah Perbelanjaan	Jangka Pelaksanaan	
			Mula	Siap
		\$		
(i)	Kompleks Asrama Kedua :— (a) Peringkat 2 Sebuah Dewan Makan dan Sebuah Blok Asrama	1,320,000	Ogos, 71	April, 72
(ii)	Dewan Kuliah	425,000	Januari, 72	Julai, 72
(iii)	Bangunan Kediaman : (a) Peringkat 1 5 unit kelas C, 2 unit kelas D, 2 unit kelas E, 10 unit kelas G, 10 unit kelas H. (b) Peringkat 2 6 unit kelas G 6 unit kelas H	430,000 94,000	Februari, 72 Mei, 73	Mac, 72 Disember, 73
(iv)	Bangunan Sains Ekonomi Rumahtangga dan Makanan : (a) Peringkat 1 Pejabat dan Makmal (b) Peringkat 2 Nursery, Workshop, Library	475,000 250,000	Oktober, 72 April, 73	Disember, 73 Mei, 74
(v)	Bangunan Perpustakaan	1,880,000	November, 72	Oktober, 73
(vi)	Bangunan Sains Kemasyarakatan	1,350,000	November, 72	Februari, 74
(vii)	Kompleks Pejabat Ladang Pejabat Ladang, Bengkel, Setor, Tempat Letak Kendaraan dan Trektor	350,000	Disember, 73	Jun, 74
(viii)	Bangunan Sains Tanah	395,000	Januari, 73	Jun, 74

Bil.	Nama Projek	Jumlah Perbelanjaan	Jangka Pelaksanaan	
			Mula	Siap
(ix)	Kompleks Asrama Ketiga :	\$		
	(a) Peringkat 1 2 buah Blok Asrama	881,000	Mac, 73	Oktober, 73
(x)	Kolam air	140,000	Mei, 73	April, 74
(xi)	Incinerator	40,000	Oktober, 73	Mei, 74
(xii)	Kompleks Asrama Keempat			
	(a) Peringkat 1 Sebuah Blok Asrama	990,000	Oktober, 73	Jun, 74
(xiii)	Infrastruktur Am			
	Pembinaan Jalan Keliling Kampus	155,000	Disember, 73	Mei, 74

UMUM

(i) Pakar United Nations Development Programme

Professor H. W. Hannah dari University of Illinois telah datang ke Universiti ini di bawah anjuran UNDP dari 28hb Januari, 1972 hingga 26hb Mac, 1972 untuk menyediakan "blue print" bagi penubuhan dan perkembangan Universiti Pertanian.

(ii) Asian Development Bank

Semenjak bulan Ogos, 1972 perbincangan-perbincangan telah diadakan dengan pihak-pihak yang tertentu seperti Perbendaharaan, Bahagian Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pelajaran dan ADB untuk menyediakan kertas pinjaman dari ADB berjumlah AS\$2.5 juta. Tetapi oleh sebab-sebab tertentu, Kerajaan telah membuat keputusan menarik balik permohonan mendapatkan pinjaman tersebut.

(iii) Australian Asian Universities Cooperation Scheme

Semenjak tahun 1971 Universiti Pertanian telah mendapat kerjasama dan bantuan di bawah Sekim AAUCS, dan Sekim itu masih lagi diteruskan.

(iv) Canadian International Development Agency

Perbincangan sedang diadakan untuk mendapat bantuan daripada CIDA terutama sekali dalam bidang Perhutanan dan Kedoktoran Veterinar & Sains Peter-nakan. Sambutan dari CIDA adalah menggalakkan.

(v) Pertukaran Tanah

Pada 8hb Ogos, 1972 satu urusan penukaran sebahagian kawasan tanah yang pada masa itu dipunyai oleh Kolej Pertanian (telah diserahkan kepada Universiti Pertanian) dengan MARDI telah dilakukan. Tanah yang berkenaan adalah seluas kira-kira 283 ekar. Tujuannya adalah untuk memudahkan kedua-dua pihak mendabirkan projek masing-masing.

(vi) Ladang Puchong

Universiti Pertanian Malaysia telah mengambil alih Ladang Puchong seluas 400 ekar dari Universiti Malaya pada 1hb. Januari 1974.

(vii) Cadangan Kampus Cawangan Di Sarawak

Rundingan telah diadakan antara pihak Universiti Pertanian Malaysia, dan Kerajaan Negeri pada 12hb. November 1973 di Kuching, Sarawak, untuk menentukan garis panduan bagi penubuhan Kampus Universiti Pertanian Malaysia Cawangan Sarawak.

Adalah ditetapkan bahawa kursus pendahuluan akan diadakan di Pusat Penyelidikan di Semengok mulai Mei 1974 atau Mei 1975.

Dalam rundingan seterusnya ada dipersetujui bahawa

Universiti Pertanian Malaysia Cawangan Sarawak mengadakan kursusnya pada Mei 1974.

(viii) **Lawatan Majlis Penasihat Pelajaran Tinggi**

Majlis Penasihat Pelajaran Tinggi telah membuat lawatannya ke Kampus Universiti Pertanian Malaysia pada 22hb Jun 1973.

(ix) **Ucapan Terimakasih**

Universiti Pertanian Malaysia suka merakamkan ucapan terimakasih kepada pegawai-pegawai berikut yang telah menjadi ahli Majlis Sementara Universiti Pertanian Malaysia.

1. Y.B. Datuk Abdullah bin Ayob
2. Encik Chong Hon Nyan
3. Y.B. Tan Sri Sheikh Hussein bin Sheikh Mohamad
4. Encik Abdullah bin Salleh
5. Encik Sulaiman bin Abdullah
6. Encik Jaafar bin Awang

CANSELORI

Naib Canselor — Professor Mohd. Rashdan bin Haji Baba,
J.S.M, P.P.T., Dip. Agr. (Malaya) B.Sc.
(Reading), Ph.D. (Leeds).

Penolong Khas — Abdul Aziz bin Yahaya, M.A. (Cambridge),
A.M.A. (U.K.), M.A. (Cornell).

Naib-Canselor adalah pegawai yang bertanggungjawab di atas perjalanan Universiti samada dari segi akademik ataupun pentadbiran secara umumnya. Adalah menjadi tugas Naib-Canselor untuk menentukan bahawa semua peruntukan berkaitan dengan perlembagaan, Statut, Akta, dan Peraturan-Peraturan yang diadakan di Universiti ini diikuti. Ia juga mempunyai kuasa untuk menentukan tiap-tiap badan yang ditubuhkan di dalam Universiti ini menjalankan tugas-tugas mereka seperti yang dikehendaki.

Naib-Canselor juga, tertakluk kepada Perlembagaan Universiti ini mempunyai kuasa untuk menyelia bagi semua perkara berkaitan dengan pengajaran, penyelidikan, kewangan dan pentadbiran, kebijakan dan tatatertib di Universiti ini. Tertakluk kepada Majlis, Naib-Canselor adalah merancang dan menjalankan polisi-polisi berkaitan dengan segala hal di Universiti ini.

PEJABAT PENDAFTAR

Pendaftar :

Mahmud bin Taib, B.A. (Hons) (Malaya).

Pen. Pendaftar :

Ahmad Zekri bin Abdul Khalil, B. Econ. (Malaya), Dip. in Management Analysis, (NIPA)
(Pembangunan)

Jalal Ahmad bin Abdullah, B.A. (Indon.) M.A. (Indiana),
(Hal Ehwal Mahasiswa)

Mohd. Adzahan bin Mohamad, LLB (Hons.) (S'pore)
(Hal Ehwal Akademik)

Mohd. Kalok bin Latiff, B.A. (Malaya)
(Perkhidmatan dan Perjawatan)

Tan Tuan Chong, Dip. Pub. Adm. (Malaya). — (bertugas di
Kampus Serdang hingga 21hb. April, 1974, dan kemudiannya berpindah ke Kampus di Sarawak).
(Perkhidmatan dan Perjawatan)

Pem. Pentadbir :

Kamalul Aripin bin Musa, B.A. (Hons) (Malaya)
(Pembangunan)

Khamsiah bte Akram
(Perkhidmatan dan Perjawatan)

Mohd. Nil bin Salleh, Cert. Edu. (Malaya), B.A. (Malaya)
(Hal Ehwal Akademik)

Rokiah bte. Hassan, B.A. (Malaya) — (hingga 21hb. Julai
1973)
(Hal Ehwal Akademik)

Mohd. Fadzil bin Haji Sanusi, B.A. (Malaya) — (hingga
1hb. April, 1973)

Sulaiman bin Mohd. Atan, Cert. Edu. (Malaya) B.A. (UNAS).
(Hal Ehwal Akademik).

Pejabat Pendaftar telah bermula dengan perlantikan Pendaftar secara pinjaman pada 4hb Jun, 1971. Sepanjang tahun 1971 Pejabat ini telah memulakan kerja-kerjanya berkaitan dengan perancangan penubuhan Universiti Pertanian. Penubuhannya telah diwartakan pada 28hb Oktober, 1971. Sementara itu Jabatan ini juga telah berusaha untuk mengambil pegawai-pegawai akademik dan pegawai-pegawai am untuk menjalankan berbagai tugas di Universiti. Tugas sepanjang tahun 1971 ialah untuk merancangkan perkara-perkara berkaitan dengan penyerapan pegawai-pegawai akademik dan pegawai am Kolej Pertanian Malaya dan Fakulti Pertanian Universiti Malaya ke Perkhidmatan Universiti Pertanian.

Dalam tahun itu juga, oleh sebab Pejabat Pendaftar hanyalah sebuah pejabat sahaja yang tertubuh di Universiti ini, hal-hal anggaran dan kewangan dijalankan oleh jabatan ini dengan per tolongan Bahagian Bendahari Kolej Pertanian Malaya.

Dalam tahun 1972, oleh sebab Kolej Pertanian Malaya masih ujud, pentadbirannya berjalan selari dengan pentadbiran Universiti. Rancangan pembangunan Universiti telah diperhebatkan, demikian juga pengambilan pegawai-pegawai akademik dan am. Sekim latihan tenaga pengajar bagi Universiti Pertanian, di samping sekim yang dijalankan oleh Kolej telah dimulakan. Para tenaga pengajar, yang tidak mempunyai kelulusan yang mencukupi bagi perkhidmatan di Universiti telah diberikan biasiswa untuk belajar di luar negeri. Pelajar-pelajar juga diberikan biasiswa untuk mengikuti kursus-kursus yang sesuai supaya dapat berkhidmat dengan Universiti sekembalinya dari seberang laut.

PENYERAPAN

Setelah semua rancangan penyerapan diselesaikan, penyerapan pegawai akademik dan pegawai am, Kolej Pertanian Malaya dan Fakulti Pertanian Universiti Malaya telah dimulakan pada bulan Ogos, 1972 dan berakhir pada 31hb Disember, 1972. Dengan siapnya penyerapan ini tenaga pegawai am dan akademik Universiti telah bertambah. Sementara itu kerja-kerja serta rancangan menerima kumpulan pertama pelajar pada 23hb Julai,

1973 dimulakan. Dengan adanya rancangan pengambilan pelajar ini, adalah didapati bahawa Universiti Pertanian sudah sanggup mengambil alih semua hal yang dahulunya dijalankan oleh Kolej Pertanian Malaya. Serentak dengan itu, Majlis Kolej Pertanian Malaya dibubarkan pada 7hb Julai, 1973, dan dengan itu Universiti Pertanian telah ujud sebagai sebuah institusi tunggal.

Dengan pembubaran itu semua kerja-kerja pembangunan, akademik dan perjawatan Kolej Pertanian Malaya telah diambil alih serta diteruskan oleh Bahagian Pendaftaran.

ORGANISASI JABATAN PENDAFTAR

Untuk melicinkan perjalanan Jabatan Pendaftaran, jabatan ini telah dipecahkan kepada 4 bahagian; iaitu :—

1. Bahagian Perkhidmatan dan Perjawatan
2. Bahagian Akademik
3. Bahagian Pembangunan
4. Bahagian Hal Ehwal Mahasiswa

Bahagian Perkhidmatan dan Perjawatan

Bahagian Perkhidmatan ini bertanggungjawab di atas pengambilan pegawai akademik dan pegawai am serta juga mengendalikan syarat-syarat perkhidmatan. Bahagian ini juga bertanggungjawab mengenai latihan pegawai am dan memproses permohonan-permohonan untuk latihan lanjutan bagi pegawai-pegawai akademik. Di samping itu ia juga bertanggungjawab mengenai pentadbiran am Universiti ini dan menyediakan anggaran bagi Bahagian ini.

Bahagian Akademik

Bahagian ini bertanggungjawab di atas segala aspek pentadbiran akademik khususnya pengiklanan dan penerimaan masuk siswa-siswi, peperiksaan, peraturan-peraturan akademik, pendaftaran pelajar, rekod dan lain-lain hal berkaitan dengan perkara-perkara akademik. Sehingga Bahagian Hal Ehwal Mahasiswa

ditubuhkan bahagian ini juga telah bertanggungjawab mengenai biasiswa dan bantuan kewangan kepada Mahasiswa.

Bahagian Pembangunan

Bahagian ini bertanggungjawab mengkoordinasikan semua aspek pembangunan di Universiti.

Bahagian Hal Ehwal Mahasiswa

Bahagian ini baharu sahaja ditubuhkan dan adalah bertanggungjawab mengenai semua aktiviti-aktiviti mahasiswa. Ia telah juga mengambil alih perkara-perkara berkaitan dengan biasiswa dan bantuan kewangan kepada pelajar-pelajar.

Persatuan Mahasiswa Universiti Pertanian Malaysia

<i>Presiden</i>	— Encik Hamdi Abdul Mutalib.
<i>Setiausaha Agung</i>	— Encik Mohd. Arif Othman.
<i>Setiausaha Tadbir</i>	— Cik Mahani Md. Noor.
<i>Setiausaha Kewangan</i>	— Encik Ibrahim Mohamad.
<i>Naib Presiden I</i>	— Encik Mohd. Said Jonit.
<i>Setiausaha Kebajikan</i>	— Encik Ridzwan Abdul Rahman.
<i>Setiausaha Kebajikan</i>	— Encik Abu Bakar Man.
<i>Setiausaha Penerbitan dan Penerangan</i>	— Encik Shahrom Dayat.
<i>Naib Presiden II</i>	— Encik Yaakub Awang Ahmad.
<i>Setiausaha Perhubungan</i>	
<i>Luar dan Alumni</i>	— Encik Arief Kassim.
<i>Setiausaha Sukan</i>	— Encik Abdul Azid Abu Bakar.
<i>Setiausaha Kesenian</i>	— Encik Ariffin Morad.

Untuk pertama kalinya, satu sistem pentadbiran baru di dalam pergerakan pelajar telah digunakan, iaitu sistem Penentu Dasar dan Pelaksana Dasar yang berasingan. Dewan Mahasiswa merupakan Penentu Dasar Persatuan sementara Jawatankuasa Kerja pula bertanggungjawab dari segi perlaksanaannya. Sebagai sistem yang baru, terdapat kelemahan-kelemahan yang ujud dari sistem ini dan kajian semua Perlembagaan Persatuan

telah dilaksanakan sebagai salah satu cara untuk memperkemas-kan lagi sistem sekarang.

Pentadbiran PMUPM

Dewan Mahasiswa PMUPM mempunyai 37 orang ahli yang terdiri dari 29 orang wakil Umum, 7 Wakil Senat dan seorang Wakil Badan Gabungan. Dari wakil-wakil Umum dipilih seorang Pengurus Dewan Mahasiswa dan 12 orang Ahli Jawatan-kuasa Kerja (Exco). Di bawah tiap-tiap Sekretariat terdapat jawatankuasa-jawatankuasa Tetap dan Khas melaksanakan projek-projek yang dirancangkan selaras dengan dasar persatuan. PMUPM mempunyai 1,399 orang ahli.

Antara program-program besar persatuan ialah seminar untuk siswi-siswi. Seminar siswi merupakan projek khas untuk siswi-siswi PMUPM mengembangkan bakat kepimpinan dan menimbulkan kesedaran tentang menyalurkan sumbangan mereka untuk faedah masyarakat dalam dan luar kampus.

Seminar ini berlangsung selama 4 hari, mulai 11hb Mac 74 hingga 14hb Mac 1974 bertempat di kampus Universiti Pertanian Malaysia.

Menteri Kebajikan Am, Puan Hajjah Aishah Haji Abdul Ghani telah merasmikan pembukaan seminar ini.

ASRAMA

Asrama I :	<i>Pengetua</i> :	Dr. Abdul Halim Haji Hassan Encik Mohd. Rashid Ahmad
	<i>Pengurus</i> :	Encik Khalid bin Abu Bakar
Asrama II :	<i>Pengetua</i> :	Encik Kamaruddin Hj. Kachar
	<i>Pengurus</i> :	Encik Dahlan Jamil
Asrama III:	<i>Pengetua</i> :	Dr. Ahmad Mustafa bin Haji Babjee
	<i>Pengurus</i> :	Cik Faridah binti Mohammed.

Asrama Pertama yang mempunyai 6 blok bangunan dengan 292 buah bilik, boleh menampung seramai 550 orang mahasiswa dan 150 mahasiswi telah didirikan di bawah Kolej Pertanian Malaya.

Asrama Kedua pula mula diduduki dalam pertengahan tahun 1971. Ia dapat menampung 134 orang mahasiswa dan 130 orang mahasiswa. Dengan siapnya tiga blok lagi bangunan dalam tahun 1972, jumlah penghuninya meningkat kepada 678 orang.

Asrama Ketiga mula diduduki pada 17hb. Julai 1974, dengan siapnya dua buah blok bangunan. Seramai 227 orang mahasiswa dan 275 mahasiswi kini tinggal di asrama ini. Sebuah blok bangunan lagi dan sebuah bangunan dapur sedang dibina.

Sebuah blok bangunan yang mempunyai 82 buah bilik di Asrama Keempat mula diduduki pada 16hb. Jun, 1974.

Bagi melicinkan pentadbiran di tiap-tiap asrama, jawatan-kuasa-jawatankuasa yang berasingan ditubuhkan dan dianggotai oleh para penghuni asrama. Jawatankuasa-jawatankuasa itu akan mengawasi segala masaalah yang dihadapi oleh pelajar seperti soal makanan, kemudahan permainan dan perubatan.

PEJABAT BENDAHARI

Bendahari :

Y.M. Raja Salleh bin Raja Abdul Rahman, C.P.A. (Malaysia)

Pen. Bendahari :

Yusof bin Semahil, Dip. Management (B.I.M.)

Pem. Pentadbir :

Hussein bin Siman

Nur Hayati binti Sulaiman, C.I.S., (London)

Noormah binti Haji Mohamed, C.C.S. (London)

Mohd. Shawal bin Hj. Ibrahim

Johari bin Samidi, D.I.M. (hingga 1hb. Oktober, 1973)

Latar Belakang

Semua pengurusan akaun bagi Universiti Pertanian Malaysia dan Kolej Pertanian Malaya telah disatukan mulai 1hb. Januari, 1973. Berikutan daripada itu peruntukan bagi tahun 1973 hanya dibuat oleh Universiti Pertanian Malaysia. Dengan penyatuan ini, semua tanggungan dan harta benda Kolej Pertanian Malaya telah diambil alih oleh Universiti. Seramai 20 orang kakitangan Kolej Pertanian Malaysia telah diserapkan.

Sistem Kewangan

Untuk menampung perkembangan yang lebih pesat, beberapa pertukaran telah dibuat di mana sistem perakaunan dan perbelanjaan mengurus telah dipecahkan kepada perbelanjaan fakulti dan Jabatan dalam tahun 1973. Dengan ini semua urusan pembelian telah dikelolakan oleh Fakulti dan Jabatan. Oleh kerana timbulnya keperluan menyimpan rekod bagi fakulti dan Jabatan yang berasingan dan lebih tepat, pihak Universiti telah memperolehi sebuah mesin kira-kira guna membantu dan menyediakan akaun-akaun berkenaan. Pada awal tahun 1974 bahagian ini telah ditugaskan merancang pembelian sebuah komputer untuk menam-

pung keperluan-keperluan yang terus berkembang bukan sahaja dari segi perakaunan, tetapi juga di dalam hal pendaftaran dan peperiksaan.

PENYATA KEWANGAN

(a) Kumpulan Wang Rancangan Malaysia Kedua

Dalam tahun 1973 Universiti membelanjakan \$5,544,248 berbanding dengan \$4,856,271.69 (peruntukan Kolej) bagi tahun 1972. Tetapi peruntukan bagi tahun tersebut berjumlah \$8,317,000. Kekurangan perbelanjaan ini disebabkan beberapa faktor seperti kelambatan kontrektor-kontrektor menyiapkan pembinaan bangunan, akibat kenaikan harga bahan-bahan bangunan; dan juga kelambatan pengurusan pembelian tanah, di mana pembayaran hanya dibuat pada pertengahan tahun 1974.

(b) Kumpulan Wang Asrama

Bagi tahun kewangan 1973 perbelanjaan asrama telah meningkat akibat kenaikan harga barang-barang mentah yang bermula pada awal tahun tersebut. Hal ini telah menyebabkan kelebihan perbelanjaan dari pendapatan sebanyak \$303,255, menjadi punca kemerosotan Kumpulan Wang Asrama.

(c) Kumpulan Wang Pinjaman Penuntut

Untuk menampung keperluan-keperluan bantuan kewangan yang kian bertambah dari mahasiswa kumpulan wang ini telah ditambah menjadi hampir-hampir \$1,000,000 dari punca wang lebihan Kolej Pertanian dahulu. Dalam tahun 1973 seramai 45 mahasiswa telah diluluskan untuk mendapat pinjaman yang berjumlah \$27,917.00. Jumlah yang diberi kepada seseorang mahasiswa adalah berdasarkan kepada latar belakang dan kemampuan keluarga mahasiswa tersebut, tetapi tidak melebihi jumlah yang diperlu untuk bayaran yuran-yuran Universiti.

(d) **Rancangan Latihan Kakitangan**

Kedudukan kakitangan yang berada di luar negeri melanjutkan pelajaran dalam tahun 1973 adalah seperti berikut :—

Jumlah di luar negeri awal tahun 1973	Yang pergi dalam tahun 1973	Yang balik dalam tahun 1973	Jumlah di luar negeri akhir tahun 1973
59	20	7	72

Jumlah perbelanjaan pada keseluruhannya untuk rancangan ini tidak termasuk gaji ialah \$1,016,514.91 tetapi perbelanjaan ini tidaklah dicampur biasiswa yang diperolehi dari ajensi-ajensi luar.

Belanja Mengurus

Bantuan Kerajaan yang diterima bagi tahun Kewangan 1973 berjumlah \$9,520,000.00. Selain dari bantuan kerajaan, Universiti telah juga mendapat wang tambahan dari sumber-sumber seperti Pendapatan Ladang, sewa rumah, faedah bank dan lain-lain berjumlah \$757,519.26.

Perbelanjaan yang dilakukan dalam tahun yang sama ialah \$8,890,880.16. Ini bermakna kelebihan pendapatan dari perbelanjaan sebanyak \$1,389,997.30.

Perbandingan Belanja Mengurus bagi tahun 1972 dan 1973 adalah seperti berikut :—

	1972	1973
Pendapatan	1,344,478.97	10,277,519.26
Perbelanjaan Mengurus	878,483.67	8,891,821.96
Berlebihan	+ <u>465,995.30</u>	+ <u>1,385,697.30</u>

Perbedaan besar yang terdapat sebagaimana ternyata di atas disebabkan, dalam tahun 1972 Universiti Pertanian Malaysia dan Kolej Pertanian Malaya adalah berasingan dan Universiti menggunakan segala kemudahan Kolej, termasuk bayaran gaji kakitangan akademik yang mengajar.

PERPUSTAKAAN

Pmg. Ketua Pustakawan :

Syed Salim Agha, B.Sc. (Madr.), A.L.A. (London.)

Pen. Pustakawan :

Galoh Zakiah binti Haji Abdul Malik, B. Econ (Malaya)
Dip. in Lib. (Wales)

Khoo Cheng Eng, B.A. Dip. Edu. (Malaya) A.L.A. (Lond.)

Yeoh Beng Lymn B.Sc. (Hons.) Dip. Edu., Dip. in Lib. &
Information Sc. (Lond.)

Pem. Pentadbir :

Badilah binti Saad, B.A. (Hons.) (Malaya) (ke Australia pada
Feb. 1974)

Kalsom binti Sharif, B.A. (Econs) (Malaya)

Kamariah binti Abdul Hamid, A.L.A. (Lond.)

Robiyah binti Haji Abdul Majid, Cert. Edu. (Lond.)

Zakiah binti Azmi, A.L.A. (Lond.)

Pustakawan Sukarelawan :

Lyons, Kay Magaret, B.A., (University of Western Australia),
A.L.A.A.

John Patrick, Rogan, B.A. (Monash), Dip. Lib. (R.M.I.T.)

LATAR BELAKANG

Dengan tertubuhnya Universiti Pertanian dalam tahun 1971, dan adanya cadangan bahawa Kolej Pertanian Malaya akan di-serap oleh Universiti, dengan secara otomatis perpustakaan Kolej Pertanian Malaya akan menjadi perpustakaan pusat bagi universiti. Peruntukan bagi tujuan perkembangan tahun 1971 dan 1972 tidak disediakan dari sumber-sumber universiti, tetapi hanya peruntukan Kolej Pertanian Malaya. Di masa yang lalu perpustakaan berusaha menambahkan bahan-bahannya bagi membantu rancangan diploma pertanian tetapi sekarang ini ditumpu-

kan khas kepada usaha mencapai keperluan rancangan ijazahnya. Peruntukan yang secukupnya diperolehi dalam tahun 1973 bagi perkembangan perpustakaan universiti.

Bangunan baru yang mula dibina dalam bulan November 1972, siap dalam bulan November 1973. Bangunan baru ini telah dirangka untuk memuatkan 120,000 jilid dan tempat duduk untuk 750 orang, serta ruang khas yang diperlukan oleh perpustakaan.

Pemindahan ke bangunan baru ini diusahakan dalam bulan Disember 1973. Salah satu perkara yang diberi keutamaan dalam tempoh lapuran ini ialah usaha menambahkan bilangan serta jenis buku di perpustakaan, untuk memberi perkhidmatan pada ketika itu dan di masa akan datang.

Kira-kira 10,000 jilid buku telah diperolehi dalam tempoh ini. Dari jumlah itu, 6,000 telah dikatalog dan dikelaskan dan ditambah ke dalam kumpulan menjadikan jumlah 35,000 jilid pada 31hb Mei, 1974.

Sejumlah 242 langganan baru terbitan berkala dibuat dalam tempoh ini menjadikan jumlah tersebut kepada 1,400 judul yang diterima oleh perpustakaan. Kira-kira 2,000 judul jurnal dari masa ke semasa dijilid dan ditambah kepada kumpulan tersebut.

Lebih kurang 2,000 buku telah diterima sebagai sumbangan dari beberapa badan termasuk Yayasan Asia yang telah menyumbangkan lebih kurang 600 buku, the United States Information Services (150 buku), the Agricultural Development Council (50). The Inter University Council membuat sumbangan \$3,500 nilai buku yang diterima dari masa ke semasa. Dr. R. H. Hanchey dari Louisiana State University menyumbangkan kumpulan yang sangat bernilai sebanyak 47 jilid kepada perpustakaan. Sumbangan ini diberi nama the Marguerite Hanchey Collection. "Welch Collection" pula adalah sumbangan dari Mrs. Welch dari New York, dan mengandungi 148 jilid.

Selain dari buku-buku dan terbitan berkala, perpustakaan juga memperolehi peta, mikrofilem, film loop dan lain-lain alat untuk membantu keperluan pengajaran di universiti.

TUJUAN

Matlamat-matlamat utama perpustakaan ini ialah :—

- (a) Untuk membantu pelajar-pelajar dalam pengajian, penyiasatan dan penyelidikan mereka.
- (b) Untuk membantu kakitangan akademik dalam penyiasatan dan penyelidikan mereka.
- (c) Untuk berkhidmat sebagai satu pusat penerangan mengenai pertanian dan kajihayat dalam negara.

Dalam tempoh ini perpustakaan telah memenuhi matlamat yang pertama dan kedua. Walau bagaimanapun, memandang kepada kekurangan kakitangan professional dan sumber bahan-bahan yang cukup matlamat yang ketiga tidak dapat dijalankan dengan sempurna.

PERKHIDMATAN

Perkhidmatan-perkhidmatan yang disumbangkan oleh perpustakaan ini adalah seperti berikut :—

- (a) Perkhidmatan pinjaman buku yang biasa.
- (b) Perkhidmatan peminjaman antara perpustakaan.
- (c) Pada waktu peperiksaan ia dibuka lebih lama dari masa-masa lain.
- (d) Perkhidmatan salinan foto.
- (e) Memberi perkhidmatan rujukan.
- (f) mengendalikan buku bertanda merah.
- (g) Menyediakan kursus cara menggunakan perpustakaan kepada semua pelajar tahun pertama.

PENGGUNAAN PERPUSTAKAAN

Seramai 2,570 orang menjadi ahli perpustakaan Universiti Pertanian Malaysia, terdiri daripada 2,113 pelajar, 343 kakitangan universiti dan 114 ahli luar.

Bagi memenuhi keperluan kakitangan akademik perkhidmatan antara perpustakaan diberikan terutamanya kepada kakitangan akademik universiti. Kira-kira 70 jilid telah dipinjam dari lain-lain perpustakaan di Kuala Lumpur, manakala perpustakaan Universiti Pertanian Malaysia meminjamkan 30 buku kepada lain-lain perpustakaan di Kuala Lumpur. Atas permintaan dari pensyarah-pensyarah perpustakaan telah meminjamkan sebanyak 270 filem pada tempoh ini. Penggunaan filem dan lain-lain alat pandang dengar oleh pensyarah-pensyarah bagi membantu pengajaran mereka menunjukkan bahawa kumpulan alat pandang dengar di perpustakaan perlu diperbesarkan.

Alat-alat kemudahan membuat salinan yang sangat diperlukan oleh para mahasiswa disediakan oleh perpustakaan. Pihak universiti telah menanggung setengah daripada perbelanjaan perkhidmatan membuat salinan dan membolehkan para mahasiswa mendapatkan salinan-salinan mereka dengan lebih murah. Perpustakaan telah membuat sebanyak 77,000 salinan dalam tempoh ini.

Penerbitan-penerbitan :

Senarai Penambahan :— Perpustakaan juga menerbitkan Senarai Penambahan yang mengandungi senarai buku-buku tambahan kepada perpustakaan supaya kakitangan akademik dan lain-lain pengguna mengetahui bahan-bahan baru di kumpulan perpustakaan.

Perkhidmatan Maklumat Kini :— Penerbitan ini dikeluarkan seminggu sekali untuk memberitahu pengguna-pengguna terutama sekali kakitangan akademik keluaran terbaru terbitan berkala yang diterima oleh perpustakaan pada minggu tersebut.

Self Guided Tour :— Sebagai tambahan kepada syaranan yang diberikan oleh kakitangan perpustakaan kepada pelajar tahun pertama dalam penggunaan perpustakaan dan bahannya, penerbitan ini dikeluarkan untuk membantu pengguna-pengguna cara menggunakan perpustakaan yang lebih berkesan.

Cawangan Perpustakaan :— Berhubung dengan kampus cawangan universiti di Semenggok di Sarawak, perkhidmatan perpustakaan juga disediakan. Sebuah bangunan berasingan telah diuntukkan sebagai perpustakaan dan boleh memuatkan 3,000 jilid dan tempat duduk untuk 50 pengguna. Seorang kakitangan profesional telah dihantar untuk memulakan penubuhan perpustakaan di sana.

Sejumlah 800 buku telah dihantar ke perpustakaan di sana untuk memenuhi keperluan para pelajar. Pembelian dan peroses mengkatalog dibuat di perpustakaan pusat di Serdang.

FAKULTI PERHUTANAN

Dekan :

Abdul Manap Ahmad, B.Sc. (Adel.), Dip. For. (A.N.U.),
Ph.D. (Edin.)

Tenaga Akademik :

Roberts, Timothy Paul, M.S. (N.Y.S.C.F.)

Miller, James Howard, B.Sc. (Oklahoma), M.S. (Purdue),
Ph.D. (Oregon)

PENDAHULUAN :

Fakulti Perhutanan ditubuhkan serentak dengan Fakulti Kedoktoran Veterinar dan Sains Peternakan, dan Fakulti Pertanian sebagai fakulti asas apabila Universiti Pertanian Malaysia ditubuhkan dalam bulan Oktober 1971. Fakulti Perhutanan mengadakan rancangan untuk mengadakan kursus professional sejak bulan Januari 1972.

Fakulti ini menerima kumpulan pertama mahasiswa seramai 27 orang, untuk mengikuti Kursus Ijazah Perhutanan.

Walaupun kursus-kursus professional dalam bidang perhutanan diselenggarakan, tetapi oleh sebab-sebab tertentu, kebanyakannya kuliah-kuliah dan kerja-kerja makmal dikendalikan dengan kerjasama pihak-pihak lain, yang membenarkan ruang-ruang kuliah serta bilik-bilik makmal mereka digunakan oleh para mahasiswa Fakulti Perhutanan. Setakat ini Bangunan Blok Fakulti Perhutanan sedang dalam pembinaan dan dianggap akan siap pada penghujung tahun 1975.

TENAGA AKADEMIK FAKULTI :

Di masa ini, dua orang pensyarah luar negeri diambil bertugas secara ikatan kontrek. Encik Timothy Paul Roberts bertugas selama tiga tahun mulai November 1973, manakala Dr. J. H. Miller bertugas selama tiga tahun mulai April 1974.

Bakal tenaga akademik Fakulti Perhutanan yang sedang melanjutkan pelajaran di seberang laut berjumlah 13 orang (Lampiran I). Dua orang dijangka pulang bertugas dengan Fakulti Perhutanan dalam tahun 1974, empat orang dalam tahun 1975 dan 7 orang dalam tahun 1976.

Seorang mahasiswa yang sedang membuat penyelidikan untuk menyediakan thesis Sarjana di Universiti Malaya telah dipelawa untuk dilantik sebagai tenaga akademik Fakulti Perhutanan pada 20hb Ogos, 1973 dan perlantikan ini akan disahkan setelah sahaja beliau siap membuat thesis Sarjana itu.

TUJUAN FAKULTI :

Sejak ditubuhkan, Fakulti Perhutanan telah berusaha menilai keperluan bakal-bakal majikan terhadap siswazah Fakulti ini. Kajian itu menunjukkan peluang yang luas terdapat di bidang-bidang berikut :—

1. Jabatan Perhutanan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.
2. Kompleks-kompleks perkayuan yang kian bertambah bilangannya.
3. Institusi pengajian dan institusi penyelidikan.
4. Sektor swasta seperti kilang papan yang mengeluarkan kayu lapis, “moulding”, “fancy veneer” dan sebagainya.
5. Jabatan Pelancungan.
6. Jabatan “Games and Wildlife”.
7. Kementerian Perdagangan dan Perusahaan.

Memandangkan kepada keperluan yang begitu meluas dari-pada bakal-bakal majikan ini, Fakulti Perhutanan buat permulaannya menyediakan satu rangka kurikulum dan kemudahan latihan untuk memenuhi keperluan-keperluan ini. Selaras dengan

itu, objektif Fakulti Perhutanan ditujukan ke arah tersebut. Fakulti Pertanian bertujuan :—

1. mengeluarkan siswazah-siswazah yang berpengetahuan dalam semua bidang, tetapi tidak begitu mendalam dalam satu-satu matapelajaran, untuk memenuhi keperluan Jabatan Perhutanan dan perusahaan perkayuan.
2. menyediakan sedikit pengkhususan untuk memenuhi keperluan sektor awam.
3. mengeluarkan pengurus tanah yang boleh membuat keputusan samada sesuatu kawasan itu sesuai untuk mengeluarkan kayu-kayan ataupun bahan-bahan makanan.
4. mengeluarkan siswazah perhutanan yang boleh mempengaruhi polisi negara, terutama sekali yang berkaitan dengan perhutanan, dan perusahaan yang ada kaitan dengan perhutanan.

Kurikulum untuk pengkhususan dalam satu-satu bidang perhutanan akan disediakan apabila timbul keperluannya.

Untuk memenuhi tujuan-tujuan di atas, kurikulum yang telah disediakan ini akan mengenalkan mahasiswa-mahasiswa dengan segala aspek perhutanan.

KURSUS-KURSUS YANG DITAWARKAN :

Buat permulaannya Fakulti hanya menyediakan Kursus Ijazah Perhutanan. Ijazah yang akan dianugerahkan ialah Sarjana Muda Sains (Perhutanan). Di satu masa nanti, apabila Fakulti ini mempunyai tenaga akademik yang cukup dan kemudahan fizikal yang lengkap, Kursus Ijazah Lanjutan hingga ke peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah akan disediakan. Berkaitan dengan Kursus Diploma Perhutanan pula, pada ketika ini Institiut Teknologi MARA dan juga Jabatan Perhutanan ada menjalankannya di Shah Alam dan di Kepong.

KEMAJUAN YANG TELAH DICAPAI :

Dalam Tahun Akademik 1973/74, kumpulan mahasiswa yang pertama telah dipilih untuk mengikuti Kursus Ijazah Perhutanan. Seramai 28 orang telah dipilih, 10 orang daripada Institut Teknologi MARA, seorang daripada kakitangan Jabatan Perhutanan dan 17 orang daripada pemegang Sijil Tinggi Pelajaran. Tetapi pada minggu pertama Semester I, seorang daripada pemegang Diploma Perhutanan I.T.M. menarik diri. Pada akhir Semester I seorang daripada pemegang Sijil Tinggi Pelajaran bertukar ke Kursus Ijazah Kedoktoran Veterinar & Sains Pernakan dan 2 orang pemegang Diploma Perhutanan I.T.M. berhenti. Jumlah yang tinggal dalam Semester II ialah 24.

Dalam Tahun Akademik 1973/74 ini para tenaga pengajar Fakulti Perhutanan tidak memberikan sebarang syarahan kepada mahasiswa perhutanan, kerana mahasiswa tahun pertama ini mengikuti kursus yang disediakan oleh Bahagian Sains dan juga Fakulti Pertanian.

Pada 24hb Ogos, 1973, seorang pegawai C.I.D.A., Professor J. W. Ker telah ditugaskan di Fakulti Perhutanan selama setahun untuk meneliti dan mengkaji bantuan yang diperlukan oleh Fakulti Perhutanan daripada C.I.D.A.

Seorang mahasiswa daripada University of Cambridge yang bertaraf "Ph.D. registered student", Encik Steven J. Wood telah datang ke Malaysia untuk membuat penyelidikan berkenaan "Root Rotting Fungi of Malaysia Forest" di bawah penyeliaan Dekan Fakulti Perhutanan. Penyelidikan selama setahun itu bermula dari 29hb Ogos, 1973.

Setelah tamat peperiksaan Semester II, satu lawatan ke Utara Semenanjung Malaysia telah diuruskan untuk membolehkan mahasiswa Ijazah Perhutanan mengetahui dengan lebih dekat keadaan di hutan. Lawatan ini ialah selama 10 hari bermula daripada 20hb Mei, 1974. Tempat-tempat yang mereka lawati ialah kawasan hutan kapor di Hutan Simpan Kanching, tapak semaihan di Pusing, Hutan Simpan Parit, Hutan Bakau, Hutan

Simpan Telok Bahang, Pantai Aceh dan kawasan Rimba Rekreasi, Hutan Simpan Mata Air, Malaya Burmese Floristicc, Kedah Peak, Kawasan tanaman “Brazil Nut”, Hutan Simpan Sungkup, Hutan Simpan Bukit Perak, Kilang papan kayu lapis di Ipoh dan tapak semaian di Kampong Chang, Bidor.

MESYUARAT :

Pada 10hb Jun, 1974 Lembaga Penasihat Pengajian Fakulti Perhutanan telah mengadakan mesyuaratnya yang kedua dan di dalam mesyuarat ini kurikulum untuk Kursus Ijazah Perhutanan telah dibentang untuk dibincangkan.

TERBITAN-TERBITAN DARI PARA TENAGA AKADEMIK :

Terbitan-terbitan yang dikeluarkan dari Fakulti Perhutanan ialah seperti berikut :—

1. “Forestry Education in Malaysia”, oleh Abdul Manap Ahmad untuk “Seventh World Forestry Congress” yang telah diadakan di Buenos Aires, Argentina, 4hb — 18hb Oktober, 1972.
2. “Diseases of Forest Trees in Malaysia”, oleh Abdul Manap Ahmad untuk “Second International Congress of Plant Pathology”, yang telah diadakan di University of Minnesota, Minneapolis, Amerika Syarikat, 5hb — 12hb September, 1973.
3. “Use and Misuse of Land with emphasis on forestry activities and its effects on land (such as flooding, erosion and other destruction)”, oleh Abdul Manap Ahmad untuk Seminar “Modernization and the Environment”, 30hb — 31hb Mac 1974 yang telah dianjurkan oleh Persatuan Pencinta Alam di Pulau Pinang.
4. “Status of C. Sororia infections in Crops of Corsican Pine”, oleh Abdul Manap Ahmad (In Press).
5. “The Infection of Corsican Pine by Crumenula Sororia Karst”, oleh Abdul Manap Ahmad (In Press).

FAKULTI PERTANIAN

Dekan :

Professor Mohd. Zain Haji Karim, M. Agr. Sc. (N.Z.), Ph.D
(Cornell)

Pembantu Pentadbiran :

Zaharah Bte. Dahwan, B.A. (Hons) (Malaya) (Hingga
15.2.1974).

JABATAN AGRONOMI DAN KULTURAKEBUNAN

Pmg. Ketua Jabatan :

Abdul Halim Haji Hassan, Dip. Agr. (Malaya), B.Sc.
(Malaya), Ph.D. (K.S.U.)

TENAGA AKADEMIK

Abdul Halim Haji Hassan, Dip. Agr. (Malaya), B.Sc.
(Malaya), Ph.D. (K.S.U.)

Abdul Halim Haji Hashim, Dip. Agr. (Malaya), M.S. (L.S.U.)

Chin Hoong Fong, M. Agr. Sc., Ph.D. (Melb.) M.I. Biol.

Eagleton, Graham Ewen, Dip. Edu., (Canberra), B.A.
(A.N.U.), B.Sc. (Hons.) (N.S.W.), (Sukarelawan Australia)

Ibrahim Mohd. Yusof, Dip. Agr. (Malaya), M.S.A. (Florida).
Ph.D. (L.S.U.)

Wan Chee Keong, Dip. Agr. (Malaya), M.S. (L.S.U.)

Wan Mohammad Wan Othman, Dip. Agr. (Malaya), B.
Agr. Sc. (Malaya), M. Agr. Sc. (Cant.)

* Cheah Chooi Hwa, M.Sc. (Malaya), Ph.D. (Camb.)

* Prof. Enoch, I.C., B.Sc. (Hons.) (Wales)

*Bertugas di Universiti Malaya.

- * Hor Yue Luan, B. Agr. Sc. (Hons.) (Malaya), M. Agr. Sc. (Massey)
- * Raj, H.G., B. Agr. Sc. (Madr.), M.S. (Wis), Ph.D. (Bombay), M.I. (Biol.)
- * Williams, C.N., B.Sc. (Hons.) (Natal), M.Sc. (Lond.), Ph.D. (Malaya)
- * Wong Kai Choo, M. Agr. Sc. (Malaya)
- * Yap Thoo Chai, B.Sc. (Nat. Taiwan U.), Ph.D. (Sask.)

JABATAN BAHASA

Pmg. Ketua Jabatan :

Haji Amat Juhari Moain, Cert. Edu., B.A. (Hons.) (Malaya)

TENAGA AKADEMIK

Abdul Hamid Mahmood, Cert. Edu., B.A. (Hons.) (Malaya)

Ahmad Haji Ismail, Cert. Edu. B.A. (Hons.) (Malaya)

Haji Amat Juhari Moain, Cert. Edu., B.A. (Hons.) (Malaya)

Jamali Ismail, Cert. Edu. (Malaya)

McKinney, Adelaide, B.A. (Lander, S.C.), (Sukarelawan)

Mohd. Zain Mohd. Ali, Cert. Edu. (Malaya)

Taha Abdul Kadir, Cert. Edu., B.A. (Hons.) (Malaya)

Thomas, Jimmy, B.A. (Hons.) Dip. Edu. (Malaya)

JABATAN EKONOMI PERTANIAN

Pmg. Ketua Jabatan :

Ahmad Mahdzan Ayob, B. Hort. Sc. (Cant.), M.S.A. (Florida)

*Bertugas di Universiti Malaya.

TENAGA AKADEMIK

Ahmad Mahdzan Ayob, B. Hort. Sc. (Cant.) M.S.A.
(Florida)

Mohd. Ismail Sayeed Ahmad, B. Agr. Sc. (Malaya),
M.Sc. (London)

Prof. Sandoval, Pedro, B.S.A. (P'pines), M.S. (M'sota)
Ph.D. (Ill.)

- * Cheam Soon Tee, M. Agr. Ss. (Malaya)
- * Chew Teck Ann, B. Agr. Sc. (Hons.) (Malaya), M.
Phil. (Sus)

JABATAN KEJURUTERAAN PERTANIAN

Pmg. Ketua Jabatan :

Abdul Rahman Yaacob, Dip. Eng. (Brighton), M.S. (L.S.U.),
M.I.E.M., P. Eng.

TENAGA AKADEMIK

Abdul Rahman Yaacob, Dip. Eng. (Brighton), M.S.
(L.S.U.) M.I.E.M., P. Eng.

Bautista, Roberto C., B.Sc. Agr. (P'pines), Cert. Farm
Mech. (Cornell)

Choa Swee Lin, Dip. Agr. (Malaya), B.S. (L.S.U.), M.S.
(U.C. (Davis))

Hanley, Peter Leslie, B. Eng. (Q'land) (Sukarelawan
Australia)

- * Kwok Chee Yan, B. Agr. Sc. (Hons.) (Malaya), M.Sc.
(Reading)
- * Len Swee Chooi, B.Sc. (Agric.) (Lond.), M.Sc. (Agr.
Eng.) (N'cle), T. Eng. (C.E.I.) M.I. Agr. E., AMASAE

*Bertugas di Universiti Malaya.

JABATAN PENDIDIKAN PENGEMBANGAN DAN PERTANIAN

Pmg. Ketua Jabatan :

Kamarudin Haji Kachar, Cert. Edu. (Malaya), Dip. Edu. Studies (Leeds), M.Phil. (Lond.)

TENAGA AKADEMIK

Abdul Aziz Yahaya, M.A. (Camb.), A.M.A. (U.K.), M.A. (Cornell)

Alang Perang Abdul Rahman Zainuddin, Dip. Agr. (Malaya), M.S. (L.S.U.)

Kamarudin Haji Kachar, Cert. Edu. (Malaya), Dip. Edu. Studies (Leeds), M. Phil. (Lond.)

McKinney, John, B.S. (Cornell), (Sukarelawan)

Mohd. Ismail Haji Radzwan, Cert. Edu. (Sing.), B.A. (Hons.) (Malaya)

Mohd. Shah Haji Lassim, Dip. Agr. (Malaya), M.S. (L.S.U.)

Nazaruddin Mohd. Jali, Cert. Edu. (U.K.), B.A. (Hons.) (Malaya), M.A. (Reading)

Saidin Teh, Dip. Agr. (Malaya), B.S. (Hawaii), M.S. (L.S.U.)

JABATAN PERLINDUNGAN TUMBUHAN

Pmg. Ketua Jabatan :

Khoo Khay Chong, B. Agr. Sc. (Hons.) (Malaya)

TENAGA AKADEMIK

Khoo Khay Chong, B. Agr. Sc. (Hons.) (Malaya)

Lim Tong Kwee, B. Agr. Sc. (Hons.) (Malaya), M. Agr. Sc. (Malaya)

Mohd. Yusof Hussein, Dip. Agr. (Malaya), M.S. (L.S.U.)

Norani Abu Samah, Dip. Agr. (Malaya), M.S. (L.S.U.)
Rintz, Richard E., B.S. (Michigan), M.S. (Maryland),
Ph.D. (Florida) (Sukarelawan)

- * Gurchan Singh, B.Sc. (Hons.) (Madr.), M.Sc. (N.Z.)
- * Varghese, George, B.Sc. (Madr.), M.S. (Iowa), Ph.D. (Nott.)
- * Raden Winoto Suatmadji, Ir. Dr. (Wageningen)

JABATAN SAINS TANAH

Pmg. Ketua Jabatan :

Abdul Jabbar Mohd. Kamal, Dip. Agr. (Malaya), M.S.
(L.S.U.)

TENAGA AKADEMIK

Abdul Jabbar Mohd. Kamal, Dip. Agr. (Malaya), M.S.
(L.S.U.)

Zaharah Abdul Rahman, Dip. Agr. (Malaya), M.S.
(L.S.U.)

Zulkifli Haji Shamsuddin, Dip. Agr. (Malaya), M.S.
(L.S.U.)

- * Mok Chak Kim, Dip. Agr. (Malaya), M. Agr. Sc.
(Malaya)
- * Rajagopalan Krishnaswamy, B.Sc. (Madr.), Doctorate
de L'Univ. (Caen)

JABATAN TEKNOLOJI RUMAHTANGGA & MAKANAN

Pmg. Ketua Jabatan :

Nafsiah Omar, B.Sc. (A.N.U.), M.S. (Cornell)

*Bertugas di Universiti Malaya.

TENAGA AKADEMIK

Hamidah Ahmad, Cert. Edu., Cert. Dress-making, Dip. Dom. Sc. (Edin.)

Hasnah Udin, Cert. Edu. (Bath), B.S. (L.S.U.)

Nafsiah Omar, B.Sc. (A.N.U.), M.S. (Cornell)

Ooraikul, Buncha, Dip. Agr. (Thailand), M. Food Tech. (Massey), Ph.D. (Alberta)

Purvis, Barbara M., Dip. Dom. Sc. (Durham), B.S. (Mich.), Dip. Edu. (Leeds), (Pakar Ekonomi Rumah-tangga, FAO/UN)

* Ch'ng Guan Choo, B. Agr. Sc. (Hons.) (Malaya), M.Sc. (Nott.)

LATAR BELAKANG :

Walaupun Universiti Pertanian Malaysia ditubuhkan dengan rasminya pada bulan Oktober 1971, Fakulti Pertanian hanya ujud dalam bulan Disember 1972. Dalam waktu ini kakitangan-kakitangan dari Kolej Pertanian Malaya dan Fakulti Pertanian Universiti Malaya membuat pilihan untuk berkhidmat dengan Universiti Pertanian Malaysia. Dalam usaha menjamin program akademik di kedua-dua tempat itu tidak tergendala, kakitangan-kakitangan di kedua-dua institusi itu digalak meneruskan aktiviti masing-masing seperti biasa. Telah dipersetujui oleh Kerajaan, bahawa mulai dari sessi 1973/74, Universiti Malaya tidak akan menerima penuntut-penuntut baru untuk kursus pertanian. Tetapi mahasiswa yang sedang mengikuti kursus pertanian di Universiti Malaya diharapkan meneruskan kursus mereka di Universiti Malaya hingga tamat program mereka dalam tahun 1976. Dengan demikian, kakitangan di Universiti Malaya telah diminta berkhidmat sepenuhnya di Universiti Malaya sehingga tamat program di sana sebelum mereka berpindah ke Universiti Pertanian Malaysia di Serdang. Walau bagaimanapun mereka

*Bertugas di Universiti Malaya.

juga berkhidmat di Serdang dengan cara separuh masa dalam aktiviti-aktiviti yang tertentu.

TUJUAN FAKULTI:

Tujuan utama Fakulti Pertanian adalah untuk melahirkan tenaga-tenaga manusia yang terlatih baik dalam bidang professional (ijazah) maupun dalam peringkat sub-professional (diploma), untuk memainkan peranan penting dalam pembangunan sektor pertanian di negara. Kurikulum fakulti ini berlandaskan konsep pertanian sebagai satu sistem yang mengandungi iklim, tanah, tumbuh-tumbuhan, mikrobiota, haiwan dan manusia. Oleh itu, kursus-kursus yang dijalankan di fakulti ini, diadakan bagi memahami peranan faktor-faktor tersebut.

Pada peringkat ijazah, tujuan besar kurikulumnya adalah untuk melengkapkan mahasiswa dengan latihan asas dalam bidang sains, dan untuk membolehkan mereka membawa pengetahuan-pengetahuan moden ke dalam sektor pertanian. Memandangkan keperluan negara sekarang, graduan-graduan ini akan berjaya menyumbangkan tenaga baktinya kepada negara, jika mereka dilatih dalam bidang yang umum. Dalam konteks ini, Fakulti Pertanian tidak berniat melatih siswa/siswi menjalankan pengkhususan dalam mana-mana bidang tertentu pada peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Kursus diploma pula bertujuan melahirkan graduan-graduan yang cukup matang dan mahir dalam prinsip-prinsip pertanian serta telah menjalani latihan praktik. Jika dibandingkan dengan program ijazah, kursus diploma ini lebih memberatkan kerja-kerja praktikal untuk mengimbangkan dengan keperluan-keperluan pada peringkat sub-professional.

KURSUS-KURSUS YANG DITAWARKAN:

Selaras dengan hasrat dan objektif fakulti ini, dua peringkat kursus ditawarkan, iaitu kursus diploma dan kursus ijazah.

Setakat ini, Fakulti Pertanian menawarkan dua kursus diploma — iaitu Diploma Pertanian dan Diploma Teknologi Rumah-

tangga, yang memakan masa selama tiga tahun. Kedua-dua kursus ini memberikan penegasan khas kepada aspek-aspek praktikal.

Kursus ijazah yang memakan masa empat tahun pula bertujuan mengeluarkan graduan-graduan yang mempunyai pengetahuan yang luas dalam ilmu sains pertanian. Kursus-kursus yang ditawarkan adalah dalam jurusan-jurusan ekonomi, sosio-loji dan kejuruteraan pertanian di samping kursus-kursus sains tanah, agronomi dan sains peternakan.

KEMAJUAN-KEMAJUAN YANG TELAH DICAPAI :

Selaras dengan sistem semester yang diikuti oleh Universiti ini, kurikula Diploma Pertanian telahpun disemak semula dan disesuaikan dengan sistem ini. Sebagai tambahan kepada Diploma Pertanian ini, satu diploma baharu, iaitu Diploma Teknologi Rumahtangga telah dimulakan pada awal sessi 1973/74. Seramai 30 orang siswi mendaftar untuk mengikuti kursus diploma ini.

Pengambilan mahasiswa yang ulung untuk mengikuti program ijazah telah juga dibuat dalam sessi 1973/74. Seramai 65 orang mahasiswa yang terdiri daripada pemegang-pemegang Sijil Tinggi Persekolahan; Diploma Pertanian, Kolej Pertanian Malaya; dan Diploma of Planting Industry dari Institut Teknologi MARA telah diterima masuk.

Adalah menjadi polisi Fakulti untuk bekerjasama, seberapa boleh dengan Fakulti-fakulti lain dalam menjalankan pengajaran dan penyelidikan. Di atas dasar inilah, Fakulti Pertanian menawarkan kursus-kursus seperti bahasa, sains sosial dan ekonomi kepada mahasiswa fakulti-fakulti lain. Fakulti Kedoktoran Veterinar dan Sains Peternakan pula telah mengendalikan kursus sains peternakan untuk mahasiswa Fakulti Pertanian. Selain daripada itu kakitangan-kakitangan fakulti ini terutama sekali daripada Jabatan-jabatan Agronomi dan Kulturakebunan dan Perlindungan Tumbuhan telah membantu Jabatan Ladang dalam menyelenggarakan latihan praktikal kepada mahasiswa diploma dan ijazah.

CADANGAN PENUBUHAN FAKULTI-FAKULTI BAHARU :

Dalam sessi 1973/74 ini, Majlis Universiti Pertanian Malaysia telah bersetuju pada dasarnya untuk menubuhkan beberapa buah fakulti baru daripada beberapa buah jabatan dalam Fakulti Pertanian.

Dalam bulan Januari 1974, Fakulti yang pertama sekali ditubuhkan ialah Fakulti Ekonomi Sumber dan Perniagaantani. Pada tahun-tahun yang akan datang, beberapa buah jabatan di fakulti ini akan berpisah dari Fakulti Pertanian dan akan muncul sebagai fakulti-fakulti baharu. Jabatan-jabatan itu ialah Jabatan Pendidikan Pengembangan dan Pertanian dan Jabatan Bahasa yang akan menjadi sebahagian daripada Fakulti Perkhidmatan Pendidikan yang akan ditubuhkan dalam tahun 1975; Jabatan Teknologi Rumahtangga dan Makanan yang akan menjadi Fakulti Teknologi Rumahtangga dan Makanan dalam tahun 1976 dan Jabatan Kejuruteraan Pertanian yang akan dinaikkan tarafnya untuk menjadi sebuah fakulti dalam tahun 1975. Pelancaran Fakulti ini telah diusahakan oleh kakitangan-kakitangan jabatan itu dengan kerjasama Encik J. A. C. Gibb dari University of Reading, iaitu seorang penasihat di bawah rancangan "Inter-University Council."

TERBITAN-TERBITAN KAKITANGAN :

1. Abdul Rahman Yaacob (1973). "Agricultural Engineering Development in Malaysia." Kertas telah dibentangkan di kursus ijazah lanjutan dalam Pengajaran Kejuruteraan Pertanian anjuran UNESCO.
2. Choa Swee Lin (1973). "Performance of a Subsoiler Incorporating Repeating Inertial Propulsion Drive". Trans ASAE, Jld. 16 bil. 2.
3. Abdul Halim Hassan (1973). "Trypsin Inhibitor in Corn (*Zea mays L.*) as Influenced by Genotype and Moisture Stress." Crop Science 13 : 405-407.
4. Abdul Halim Hassan (1973). "Suppression of Fungal Growth by Isolated Trypsin Inhibitors of Corn Grain." Agricultural and Food Chemistry 21 : 1118-1119.

5. Abdul Halim Hassan (1973). "Training of Manpower and Researchers for Experimental Practices in Malaysia". Southeast Asia Seminar for Agricultural Education, Tokyo, Japan.
6. Wan Chee Keong (1973). "Towards a Better Lawn". Technical Information Bulletin, Universiti Pertanian Malaysia.
7. Ahmad Mahdzan Ayob (1973). "U.S. Import Demand and Prices of Natural Rubber." The Malayan Economic Review, Vol. XVIII, No. 1 24-35.
8. Mohd. Ismail Ahmad (1973). "Potential Fodder and Tuber Yields of two Varieties of Tapioca." Malaysia Agricultural Journal Vol. 49 No. 2.

FAKULTI KEDOKTORAN VETERINAR DAN SAINS PETERNAKAN

Fakulti :

Fakulti Kedoktoran Veterinar dan Sains Peternakan.

Dekan :

Professor Omar Abdul Rahman,

Professor Omar Abdul Rahman, B.V. Sc. (Sydney) Ph.D
(Camb.) M.R.C.V.S.

Jabatan Sains Peternakan :

Ketua : C. Samuel, G.B. Sc. (Q'ld.) — Pemangku.

TENAGA AKADEMIK :

Baharin bin Kassim, B. Agr. Sc. (Malaya) (Menjalani latihan di Australia)

Kassim bin Hamid, B. Agr. Sc. (Hons.) (Malaya) (Menjalani latihan di United Kingdom).

Kuan King Kai, D.V.M. (E. Pakistan), M.S. (Michigan)
Lahore, Rosalie (Cik), B. Agr. Sc. (Melbourne)
(Sukarelawan Australia)

Mak Tian Kwan, B.Sc. (Vet. Sc. & A.H.), M.S
(Philippines)

*Mohd. Shak Djafar, Drs. (Bogor), Ph.D.
(Florida)

Mustapha bin Mamat, B. Agr. Sc. (Malaya) (Menjalani latihan di Australia)

Haji Nik Nabal bin Haji Mohd. Adeeb, B.V. Sc. &
B.Sc. (A.H.) (Punjab), M. Phil. (London)

Oh Beng Tatt, Dip. Agr. (Tor.) (Menjalani latihan di U.S.A.)

*Bertugas di Universiti Malaya.

- *Rudy I. Hutagalung, D.V.M. (Bogor), Ph.D. (Kentucky)
Schochet, Joy Green (Puan), M.A. (Brandies), Ph.D.
(Brown University)
- Simmons, Gregory Stewart, B. App. Sc. (Q'ld. Agr.
College) (Sukarelawan Australia)
- *Syed Jalaludin bin Syed Salim, B. Vet. Sc. & A.H.
(Punjab), M. Phil. (London)
- Syed Nong Mustaffa bin Syed Abdullah Shahabudin,
B.V. Sc. & B.Sc. (A.H.) (Punjab), M. Phil. (London)
- Tengku Azmi bin Tengku Ibrahim, D.V.M. (E.
Pakistan), M.V.S. (Melbourne).
- M. K. Vidyadarshan, D.V.M. (E. Pakistan), M.V.S.
(Melbourne).

Jabatan Pathologi dan Mikrobiologi Veterinar

Ketua : Ahmad Mustaffa bin Haji Babjee, P.J.K., B.Sc. (A.H.)
(Punjab), Ph.D. (Q'ld), M.R.C.V.S. (Pemangku)

TENAGA AKADEMIK :

- A. Latiff Ibrahim, D.V.M. (E. Pakistan), M.Sc. (Hawaii)
(Menjalani latihan di U.S.A.)
- Ciskowski Garry J., B.Sc. (Northwestern State) Ph.D.
(Oklahoma) (Sukarelawan P.C.V.)
- Shaik Mohd. Amin bin Haji Babjee, B.Sc. (A.H.)
(Punjab), M.Sc. (Wales).
- Song Cheow Yong, (Cik), B.Sc. (Hons.) (Malaya) (Men-
jalani latihan di Australia).

Jabatan Klinikal Veterinar

- Faridah bt. Mohd. Noor (Cik), B.V. Sc. (Queensland)
- Jainudeen M.R., B.V. Sc. (Ceylon), Ph.D. (Cornell)
- Tan Hock Seng, B.Sc. (Hons.), B. Vet. Med. (Lond.),
M.R.C.V.S.

*Bertugas di Universiti Malaya.

TUJUAN FAKULTI :

Tujuan Fakulti Kedoktoran Veterinar dan Sains Peternakan ini ialah untuk melatih doktor-doktor veterinar, ahli-ahli sains peternakan dan kumpulan separa-iktisas untuk mengisi jawatan-jawatan dalam sektor awam dan perusahaan ternakan yang sedang berkembang dengan pesatnya di Malaysia.

Fakulti ini menyediakan kursus-kursus pada dua peringkat : Kursus Ijazah yang membawa kepada Ijazah Doktor Perubatan Veterinar (D.V.M.) dan Kursus Diploma yang membawa kepada Sains Peternakan (Dip. An. Sc.). Kursus-kursus ijazah lanjutan juga disediakan untuk siswazah yang berminat.

Kursus Ijazah bertujuan memberi kemahiran kepada mahasiswa-mahasiswa dalam lapangan diagnosa, rawatan, pencegahan dan penyelidikan penyakit-penyakit ternakan dan haiwan-haiwan lain. Di samping itu beberapa kursus utama dalam bidang Sains Peternakan dicantumkan dalam rancangan ijazah itu bagi melengkapkan mahasiswa-mahasiswa dengan pengetahuan dalam bidang itu. Ini membolehkan para mahasiswa memberi sumbangan yang lebih bermakna dalam segala aspek dan aktiviti penghasilan peternakan umumnya. Para mahasiswa akan dapat mengisi jawatan professional dalam Perkhidmatan Haiwan Kerajaan dan lain-lain badan Kerajaan ataupun sektor swasta. Mereka juga layak mengajar dan menjalankan penyelidikan dalam kerja-kerja yang berkaitan dengan Sains "Bio-medical", begitu juga mengisi jawatan-jawatan eksekutif di dalam perusahaan perdagangan yang berkaitan dengan ternakan.

Kursus Diploma bertujuan menyediakan calun-calun bekerja di dalam perusahaan peternakan atau badan-badan Kerajaan di lapisan pengurusan atau kumpulan separa ikhtisas. Dengan demikian di sepanjang kursus diploma itu kerja-kerja kemahiran amali dalam pengurusan ternakan adalah dititikberatkan.

KEMAJUAN YANG DICAPAI :

Dekan Fakulti telah dilantik pada 1hb. Januari, 1972.

Jabatan Sains Haiwan, Kolej Pertanian Malaya dipindahkan kepada Fakulti ini, mulai tarikh itu, dan menjadi asas kepada Jabatan Sains Peternakan Fakulti ini. Pada masa ambilalih itu jumlah kakitangan baru sebagai tutor dimulakan pada tahun 1972; dan seramai enam orang telah dihantar untuk latihan lanjutan ke luar negeri.

Kedudukan perjawatan dalam Jabatan Sains Peternakan lebih memuaskan dalam tahun 1973/74 dengan kembalinya dua orang 'tutor' dari Australia pada bulan Disember, 1973 dan Januari, 1974 setelah menamatkan latihan mereka dalam Masters of Veterinary Studies (M.V.S.) di Melbourne. Kedua-duanya dilantik sebagai Penolong Pensyarah. Sementara itu juga dalam bulan Disember, 1973 seorang lagi Penolong Pensyarah lepasan M. Phil daripada London telah dilantik.

Jabatan Pathologi dan Mikrobiologi Veterinar ditubuhkan dalam tahun 1972/1973 dan susunannya telah dikemaskin dengan perlantikan Dr. Ahmad Mustaffa bin Haji Babjee sebagai Professor Madya dan juga Pemangku Ketua Jabatan itu pada 11hb. April, 1973. Sementara itu seorang penolong pensyarah kelulusan M.Sc. dari Wales telah dilantik. Seorang sukarelawan dari Amerika juga masuk berkhidmat di dalam Jabatan ini. Seorang lagi penolong pensyarah dilantik dan dihantar ke Amerika Syarikat untuk latihan Ph.D.

Pada 14hb. Januari, 1974 Dr. M. R. Jainudeen telah dilantik sebagai Professor Madya. Sungguhpun bidang pengkhususan beliau ialah di bahagian klinikal, tetapi buat sementara ini beliau ditugaskan sebagai penyelaras kursus fisiologi. Dua orang penolong pensyarah yang mempunyai kecenderungan dalam bahagian matapelajaran klinikal juga dilantik tetapi, oleh kerana Jabatan Klinikal Veterinar ini belum lagi mengadakan kursus-kursus, maka ianya belum diujudkan secara rasmi dan bakal kakitangannya diberi tugas untuk menolong jabatan-jabatan lain.

Kurikulum

Kerja membentuk kurikulum untuk peringkat ijazah dan diploma telah dimulakan oleh Dekan pada awal tahun 1972 dan

mendapat persetujuan dari Lembaga Penasihat Fakulti. Kurikulum itu menjadi asas kepada perbincangan dengan pakar-pakar penasihat luar negeri. Pakar Penasihat Fakulti dalam hal kurikulum ini termasuk Sir Alexander Robertson dari University of Edinburgh, Professor T. J. Robinson dari Sydney University dan Professor K. V. F. Jubb dari University of Melbourne. Dalam tahun 1973 bentuk kurikulum ijazah sedia disusun hingga semester VI (tahun tiga).

Kurikulum bagi semester VII — V akan dibentuk setelah selesai perbincangan seterusnya dengan Professor Jubb dalam tahun 1975 nanti.

Sementara itu beberapa perubahan telah juga dibuat kepada kurikulum Diploma Sains Peternakan. Kursus itu juga telah dipendekkan dari 4 kepada $3\frac{1}{2}$ tahun.

Bahagian Perikanan dan Sains Samudra

Penyelaras : Dr. Ahmad Mustaffa bin Haji Babjee.

Tenaga Akademik : Dr. Ahmad Mustaffa bin Haji Babjee. Han Hooi Har.

Latar Belakang : Bagi tahun akademik 1973/74, usaha dijalankan untuk menubuhkan dan menyediakan Bahagian tersebut bagi menjalani kursus Diploma Perikanan mulai tahun akademik 1974/75. Setakat ini kursus-kursus tidak ditawarkan.

Rundingan-rundingan telah diadakan dengan pihak-pihak berkenaan bagi merancang dan menyediakan kurikulum untuk kursus-kursus yang akan ditawarkan.

Ladang Ternakan :

Unit Sains Peternakan mempunyai 272 ekor lembu, 33 ekor kerbau, 128 ekor kambing dan 15,000 ayam (di Unit Ternakan

Ayam). Jumlah kawasan ternakan ini ialah lebih kurang 150 ekar.

Unit Ternakan Lembu :

Unit ini mengandungi baka-baka Tempatan (K.K. L.I.D., Baka Kacukan, Hereford, Jersey, Brahman) dan baka-baka tulin Santa Gertrudis dan Brahman. Baka Santa Gertrudis telah diimpot dari U.S.A. dalam tahun 1972 dan baka American Brahman, sebanyak 20 ekor, diimpot pada bulan Januari, 1974. Pemeliharaan lembu ini telah menghasilkan susu dan daging. Lembu-lembu Kacukan adalah dikhaskan untuk permanian berdas dengan baka-baka tempatan. Baka baka tulin adalah diimpot daripada Amerika. Ternakan-ternakan adalah digunakan untuk pengajian dan penyelidikan. Keputusan keseluruhannya adalah baik dan menghasilkan ternaknya di dalam perusahaan susu dan daging.

Unit Ternakan Kerbau :

Unit Ternakan Kerbau telah diusahakan di Puchong. Lebih kurang 50 ekar tanah telah dibuka untuk pastura dan ternakan kerbau yang dianggarkan akan meningkat dari 30 ekor kepada 50 ekor tidak beberapa lama lagi. Kemudahan-kemudahan bagi ternakan ini telah diselenggarakan di Puchong.

Unit Ternakan Ayam :

Unit Ternakan Ayam adalah unit penghasilan dan juga unit latihan untuk pelajar-pelajar. Unit ini mempunyai 12,000 hingga 15,000 ekor ayam. Kesemua ayam-ayam ini adalah untuk daging dan telur. Ia telah meluas hingga 30,000 ekor ayam untuk jualan telur dan daging kepada kakitangan dan pelajar-pelajar Asrama.

Unit Ternakan Kambing :

Unit Ternakan Kambing ini adalah diutamakan untuk latihan dan petunjuk kepada pelajar-pelajar. Ia mengan-

dungi jenis-jenis baka Kacukan, Jamunapary. Buat masa ini rancangan-rancangan telah diatur untuk meluas dan membaikkan lagi unit ini.

Bangunan

Pembinaan bangunan Sains Peternakan, iaitu peringkat pertama dalam pembinaan Kompleks Bangunan Kedoktoran Veterinar dan Sains Peternakan, dijalankan tahun ini, dan dijangka siap pada penghujung tahun 1974.

Seminar/Kursus

Dalam tahun ini seminar Fakulti dimulai dan hingga ini dua kursus dan dua seminar telah diadakan :—

- (i) Kursus Pasture Sains Tropika (FAO) pada 7hb. Ogos, hingga 1hb. September, 1972.
- (ii) Kursus Pengeluaran Daging Tropika (dengan kerjasama daripada pihak A.A.U.C.S.) pada 14hb. Mei hingga 1hb. Jun, 1973.
- (iii) "Utilisation of Ground Ear Maize by Dairy Cows" (oleh Syed Nong Mustapha), dan "The Apparent Digestibility of Maize Grain When Given in various Physical Forms to Adult Sheep and Cattle" (oleh Haji Nik Nabul bin Haji Nik Adeeb) pada 2hb Mac, 1974.
- (iv) "Animal Breeding Plan" (oleh Dr. R. Beilharz) pada 12hb. Jun, 1974.

Penyelidikan

Sungguhpun kelengkapan-kelengkapan fizikal Fakulti ini belum sedia, namun usaha-usaha penyelidikan telah dimulakan. Di bawah ini adalah tajuk-tajuk penyelidikan yang telah dimulai :

1. Dr. M. R. Jainudeen. Block Group Frequency in a breed of Goat: Haemoglobin type and potassium type.

2. Syed Nong Mustaffa, Dr. M. R. Jainudeen, Encik Tan Hock Seng dan Shaikh Mohd. Amin bin Haji Babjee. A slaughter House Study of the Malayan Swamp Buffalo (*Bubalus bubalis* — paludestris) in North Kedah.
3. Tengku Azmi b. Tengku Ibrahim. Development of Kidney Glomeruli in Large Animals.
4. Dr. M. R. Jainudeen, dan Dr. Ahmad Mustaffa bin Haji Babjee. Studies on the immobilization of large animals (cattle, buffaloes) with drugs.

Sementara itu penyelidikan berkenaan dengan penilaian padang-padang pastura dan penilaian penyesuaian lembu-lembu Santa Gertrudis dan American Brahman serta penelitian berkenaan dengan pengkacukan lembu-lembu tempatan dengan baka-baka daripada luar negeri masih dijalankan dengan giatnya.

5. Penerbitan :

- (a) Mak Tian Kwan, Albumin Polymorphism in Malaysian Buffaloes. **Malaysian Veterinary Journal**, Vol. 5, 1973.
- (b) Mustaffa-Babjee, A. and Spradbrow, P.B. (1973), Recognition of the viruses of avian Leucosis/sarcoma group and other viruses that interfere with Marek's disease research. **Aust. Vet. J.** 49 : 232-237.
- (c) Mustaffa-Babjee, A. and Spradbrow, P.B. (1973), Characterization of an Avian reovirus isolated in Queensland. **J. Camp. Path.** 83 : 387-400.
- (d) Mustaffa-Babjee, A. and Spradbrow, P.B. (1973), Acute Enteritis in Rainbow Lorikeets. **Kajian Vet. Malaysia-Singapore**, 5 : 16-19.
- (e) Mustaffa-Babjee, A. and Spradbrow P.B. (1973), Vaccination against Marek's disease with Australian strains of turkey herpesviruses and an attenuated Marek's disease herpesvirus. **Aust. Vet. J.** 49 : 347-353.

- (f) Mustaffa-Babjee, A. with Lim, Ai Cheng, B.S. Bains and Spradbrow, P.B. (1973), An Avian adenovirus associated with respiratory disease. **Avian Dis.** 17 : 690-696.
- (g) Mustaffa-Babjee, A. and Spradbrow, P.B. (1974), A pathogenic paramyxovirus from a budgerigar (*melopsitacccus undulatus*). **Avian Dis.** 18 : 226-231.
- (h) Mustaffa-Babjee A. and Spradbrow P.B. (1974), Some properties of a paramyxovirus (PMAM-1) of budgerigars (*melopsitaccus undulatus*). **Kajian Vet. Malaysia-Singapore**, 6 : 1-15.
- (i) Omar Abdul Rahman (A. R. Omar) (1972), Lameness in Pigs with particular reference to arthritis — Proceedings of the Symp. Pig Husbandry, Kuala Lumpur. pp-99-111.
- (j) Omar Abdul Rahman (A. R. Omar) (Disember, 1972), Survey on Veterinary Health Care in West Malaysia.
- (k) Omar Abdul Rahman (A. R. Omar) and Mustaffa-Babjee, A. (March-April, 1974), Report of a Study Tour of Six North American Veterinary Colleges.
- (l) Samuel, C., Milk Yield Potential of Local Indian Dairy Cattle and Their Crossbreds at U.P.M. **Mal. Vet. J.** 1973, 3 : 79-88.
- (m) Samuel, C., Climate & Management Influence of the Feeding Value of Tropical Pastures. **Mal. Vet. J.** 1973, 3 : 92-95.
- (n) Samuel, C., Livestock Improvement in Malaysia. Sel. Plast. Bull — 1973 (in press).
- (o) Samuel, C., Selection Criteria for Tropical Pastures. **M.V.J.** (in press).

BAHAGIAN SAINS

Ketua Bahagian :

Ariffin bin Suhaimi, A.M.N., B.Sc. (Hons.) (Malaya), M.Sc. (S'pore), Dip. Ed. (S'pore), Ph.D. (Reading)

Jabatan Kimia :

Ketua : Badri bin Muhammad, B.Sc. (Hons.) (St. Francis Xavier) Ph.D. (Dalhousie) (Pemangku)

Badri, Karen Anne Crouse (Puan), B.Sc. (Hons.) (St. Francis Xavier) M.Sc. (Dalhousie)

Ciskowski, Garry J., B.Sc. (Northwestern State) Ph.D. (Oklahoma), Sukarelawan P.C.V.

Lee Chaing Hin, B.Sc. (Hons.) (Malaya) Ph.D. (Otago)

Leong Chnoong Kheng, (Puan), B.Sc. (Hons.) (Malaya) Ph.D. (Aberdeen)

Leong Keong, B.Sc. Dip. Ed. (Singapore)

Low Kun She, B.Sc. (Hons.) Ph.D. (Otago)

Marziah bte Mahmood (Paun) Dip. Agr. (Malaya) M.S. (L.S.U.)

Mohd. Aminuddin bin Mohd. Rouse, B.Sc. (Hons.) (Malaya) Ph.D. (Adel.)

Rehan bte Haji Mohd. Nor (Puan) B.Sc. (Malaya)

Sheila Sanborn, M.S. (Connecticut) Sukarelawan P.C.V.

Jabatan Kajihayat :

Ketua : Zaliha Christine Alang, (Puan) B.Sc. (Hons.) (Nott), M.Sc. (Malaya), (Pemangku)

Azhar Phoon Chum Guan, M.Sc. (Malaya)

Getting, Rhonda (Cik), M.Sc. (Iowa State) Sukarelawan P.C.V.

Ismail bin Hamzah, B.Sc. (Hons.) (Vict), Cert. Ed. (N.Z.) (Menjalani latihan di U.K.)

Kanapathipillai Vijaya Saraswathy (Cik) M.Sc. (Malaya), Ph.D. (Belfast)

Kathirithamby Jeyarane (Cik), B.Sc. (Madr.), Ph.D. (London), D.I.C., F.R.E.S.

Kiew, Ruth H.M. Kiew, (Puan) B.A. (Econ.) (Hons.) (Sheff), Ph.D. (Cambridge)

Kok Moh Leng (Cik) M.Sc. (Malaya), F.R.E.S. (Menjalani latihan di U.S.)

Mahony, Mary Jane (Cik) M.S. (U.C. Davis)

Ong Yin Wan (Puan) M.Sc. (Malaya)

Quah Soon Cheang, B.Sc. (Hons.) (Malaya)

Robnett, William E. Jr., M.S. (Texas Tech) Sukarelawan P.C.V.

Rohana bte Md. Som (Puan), B.Sc. (Hons.) ((Malaya))

Sly, George R., M.A. (Indiana State U.) Sukarelawan P.C.V.

Tan Cheong Huat, B.Sc. (Hons.) (Malaya)

Wan Zainon binti Haji Wan Nik (Puan), B. Agr. Sc. (Malaya) (Menjalani latihan di Australia)

Jabatan Ilmu Hisab

Ketua : Mohd. Nawi bin Abdul Rahman, B.Sc. (Malaya), M.S. (P'pines) (Pemangku)

Kamel Ariffin bin Mohd. Atan, B.A. (Malaya)

Leow Soo Kar, B.Sc. (Hons.) (Malaya), M.Sc. (London)

Mandel David, B.S. (Portland State U.) M.A. (Montana), (Sukarelawan PVC)

Mat Yusuf bin Abdullah, B.Sc. (Malaya) (Menjalani latihan di Filipina)

